

Perutusan Pengerusi

Dato' Anantham Kasinather
Pengerusi
Lembaga Pemantauan Audit



Sukacitanya saya melaporkan inisiatif dan aktiviti Lembaga Pemantauan Audit Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi tahun 2021.

Mandat AOB adalah untuk membantu SC meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan yang telah diaudit. Sehubungan ini, AOB terus mengukuhkan jangkaan kawal selianya melalui tiga fungsi teras – pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan serta penguatkuasaan.

Di sebalik ketidaktentuan dan cabaran berterusan yang timbul daripada pandemik, AOB kekal fokus dalam memastikan pengauditan bebas yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual.

FOKUS KEPADA MEMASTIKAN PENGAUDITAN BEBAS BERKUALITI TINGGI

Seperti pada tahun 2020, peristiwa sekitar tahun 2021 telah menyebabkan AOB mengkaji semula fokusnya dan menilai semula fungsi pengawasannya. Tahun ini, AOB mengambil peluang untuk mempertingkatkan lagi pendekatan dipacu analitik data dalam pemeriksaannya bagi memastikan program pemeriksaan cukup tangkas dalam mengenal pasti trend ekonomi utama dan kebimbangan pasaran dengan berkesan. Pendekatan dipacu analitik data juga membenarkan pemeriksaan bersasar memberi tumpuan kepada bidang-bidang utama. Di samping itu, AOB mempertimbangkan pelbagai pilihan untuk menjalankan semakan pemantauan luar lokasi iaitu pemeriksaan secara maya untuk memastikan program pemeriksaan AOB tidak terganggu oleh sekatan pergerakan ketika pandemik.

Memandangkan bilangan audit yang dilakukan dari jauh semakin meningkat, pematuhan ketat terhadap piawaian pengauditan dan etika kini adalah lebih penting. Tahun ini, AOB terus menentukan ketetapan dengan membawa dimensi baharu kepada aktiviti pemantauannya dan memaklumkan ketegasannya melalui tindakan penguatkuasaan apabila jangkaan kawal selia dan piawaian profesional terjejas. AOB mengambil lima tindakan penguatkuasaan terhadap firma audit dan juruaudit individu yang gagal mematuhi piawaian pengauditan dan etika.

SC terus menghadapi cabaran perundangan daripada juruaudit yang dikenakan sekatan oleh AOB. Kuasa AOB dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturannya dan cara AOB menjalankan prosiding penguatkuasaannya adalah alasan utama cabaran perundangan tersebut. Walau bagaimanapun, AOB berpuas hati bahawa Semakan Kehakiman memberi keputusan yang memihak kepada SC telah mengukuhkan lagi keteguhan rangka kerja penguatkuasaan AOB dan prosesnya.

Sepanjang 2021, AOB juga melaksanakan Pelaporan Ketelusan Tahunan yang menghendaki firma audit berdaftar dengan AOB yang memenuhi kriteria pelaporan untuk berkongsi Laporan Ketelusan dengan Jawatankuasa Audit pelanggan PIE mereka. Secara ringkasnya, firma audit dikehendaki menzahirkan maklumat mengenai struktur perundangan dan tadbir urus mereka, langkah untuk mendukung kualiti audit dan cara mereka menguruskan risiko, serta ukuran penunjuk kualiti audit mereka. Maklumat ini akan memberi manfaat besar kepada pelabur dan Jawatankuasa Audit untuk memudahkan pembuatan keputusan mengenai pelantikan dan pelantikan semula juruaudit.

INISIATIF LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PEMBINAAN KAPASITI

Libat urus yang kerap bersama juruaudit dan pihak berkepentingan utama adalah bermanfaat untuk memastikan keperluan dan kebimbangan pihak berkepentingan diterjemahkan dalam bidang tumpuan AOB. Hasil yang diinginkan daripada aktiviti pemantauan audit AOB adalah agar firma audit menghasilkan audit berkualiti yang konsisten melalui pembinaan kapasiti berterusan dan rangka kerja kualiti audit yang berkesan.

Inisiatif pembinaan kapasiti telah menjadi bidang tumpuan penting bagi AOB. AOB menggunakan wang yang diperolehi daripada penalti yang dikenakan untuk memudahcarakan inisiatif pembinaan kapasiti bagi profesion perakaunan dan pengauditan. Sehubungan ini, AOB telah bekerjasama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk membina kapasiti dalam kalangan firma audit kecil yang berdaftar dengan AOB, dengan membangunkan program latihan yang bertumpu kepada usaha menangani kelemahan umum audit yang diperhatikan oleh AOB semasa pemeriksaannya terhadap firma audit dan juruaudit. Seramai 975 juruaudit individu dan kakitangan firma audit meraih manfaat daripada program latihan tersebut. AOB akan terus memudahcara inisiatif pembinaan kapasiti sebagai sebahagian daripada mandatnya untuk meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan yang telah diaudit.

Pada 2021, AOB telah diterima sebagai ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain (IOSWG) Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas (IFIAR). IOSWG memberi tumpuan kepada perlindungan pelabur dan meningkatkan kualiti audit berdasarkan cadangan pelabur dan pihak berkepentingan lain yang berminat dalam hal-hal berkaitan audit. Penyertaan AOB dalam IOSWG akan membolehkannya memanfaatkan pengalaman pengawal selia audit lain di peringkat global dan membantu memacu perubahan dasar di peringkat tempatan.

Akhir sekali, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh AOB pada tahun ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen berterusan pihak Pengurusan, disertai oleh sokongan dan bimbingan Ahli Lembaga Pengarah. Saya amat berharap akan dapat melaporkan usaha berterusan AOB pada tahun-tahun akan datang.



Dato' Anantham Kasinather